

Tarikh : 19/8/2021 (Khamis)

Masa : 10:45 pagi hingga 11:45 pagi.

Kemahiran: Menulis. Rujuk halaman 123

Latihan 1:

Lengkapkan karangan Laporan di bawah dengan rangkai kata yang betul di tempat kosong. Rujuk draf karangan muka surat 122 bertajuk "Pertandingan Roket Air".

melancarkan roket	tekanan udara	pembentangan	Kelab Sains	luncuran roket
sains dan teknologi	payung terjun	Setiausaha	Pertandingan Roket Air	27 JUN 2021

Laporan _____

Pada 22 hingga 23 Jun 2021 yang lalu, telah berlangsung Pertandingan Roket Air Peringkat Negeri Kedah di Sekolah Kebangsaan Gunong. Seramai 50 orang peserta telah mengambil bahagian dalam acara ini. Objektif acara

ini adalah untuk memberikan pendedahan ilmu _____, khususnya bidang sains angkasa, kepada murid.

Sebanyak tiga kategori dipertandingkan, iaitu pembentangan, roket air sasaran dan roket air payung terjun.

Aktiviti bagi kategori pertama ialah _____. Setiap pembentangan kumpulan selama 10 minit. Penilaian juri akan dilakukan apabila setiap kumpulan membuat pembentangan. Penilaian juri akan dibuat berdasarkan kemahiran pembentangan, bersoal jawab, kefahaman hukum sains, kreativiti dan inovasi semasa pembentangan.

Seterusnya, peserta ke kawasan padang bagi kategori kedua, iaitu roket air sasaran. Dalam acara ini, setiap kumpulan akan _____ dengan menyasarkan tanda jarak 80 meter dari tapak pelancaran roket. Kejayaan sesuatu roket yang dilancarkan akan bergantung kepada paras air, tekanan udara dan sudut pelancaran roket. Penilaian kejayaan berdasarkan jarak _____ yang paling jauh. Semasa pelancaran para penonton amat teruja.

Acara terakhir ialah roket air _____. Dalam kategori ini, setiap roket yang dilancarkan akan membawa bebanan telur sintetik seberat 60 gram. Para juri menilai dengan catatan roket di udara paling lama diambil. Dalam kategori ini juga, kejayaan bergantung kepada paras air dan _____ semasa pelancaran.

Sebelum berakhir, Pertandingan Roket Air keputusan pertandingan diumumkan oleh urusetia pertandingan. Pertandingan ini telah menyerlahkan bakat kreatif murid-murid dalam bidang sains. Kesimpulannya, pertandingan ini telah berlangsung dengan jayanya.

Laporan disediakan oleh, _____



(RAZMAN BIN AZMI)

Sekolah Kebangsaan Gunong.